

جابتن كواعن دان قربنداھاراءن نكري ملاك

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara
Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333
Faks : 06-231 6489
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

No.Rujukan : PNM(B)015 Jld.14(16)

Tarikh : 29hb Januari, 2020

JamadilAkhir 1441H

SEPERTI EDARAN

YB Datuk Seri/YBhg Datuk/Tuan/Puan,

ARAHAN PEMBAYARAN BIL DAN TUNTUTAN DALAM TEMPOH 3 HARI BEKERJA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti sedia maklum, peraturan berhubung pembayaran bil dan tuntutan adalah tidak lewat dari 14 hari dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna sepertimana Arahan Perbendaharaan (AP) 103. Selaras dengan keputusan Mesyuarat "Post EXCO" bil 24/2019 yang telah diadakan pada 21 Ogos 2019 yang telah dipengerusikan oleh YB Datuk Seri Setiausaha Kerajaan Negeri dan Mesyuarat "Post ECXO" bil 1/2020 yang telah diadakan pada 8 Januari 2020 yang telah dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri telah memutuskan Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka perlu memastikan bayaran bil dan tuntutan bagi Kerajaan Negeri Melaka dibuat dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh penerimaan bil/tuntutan yang lengkap dan sempurna mulai Januari 2020.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama daripada semua pihak untuk memastikan perkara berikut dipatuhi :-

a) Jabatan/Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu menyediakan, menyemak dan meluluskan baucar bayaran dalam tempoh 2 hari bekerja dari tarikh invois/bil diterima;

b) Pejabat Bendahari akan meluluskan baucar bayaran dalam tempoh 1 hari bekerja tertakluk kepada kedudukan aliran tunai semasa Kerajaan Negeri.

4. Komitmen dan tanggungjawab daripada semua Ketua Jabatan/PTJ amat diperlukan bagi memastikan pembayaran dapat dibuat dalam tempoh 3 hari bekerja. Arahan ini berkuatkuasa daripada tarikh surat ini dikeluarkan dan surat PNM(B)015 Jld.13 yang bertarikh 1 Mac 2019 adalah terbatal. Surat edaran ini boleh juga dimuat turun melalui laman web Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka di alamat portal www.jkpnm.melaka.gov.my.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara tersebut pihak YB Datuk Seri/YBhg Datuk/Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai kami di Unit Perkhidmatan Operasi ditalian 06-2307 589/ 590/662/441.




6. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YB Datuk Seri/YBhg Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MELAKA BERWIBAWA"
"PINTAR, HIJAU, BERSIH,
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK HANAFI BIN SAKRI)
Pegawai Kewangan Negeri,
MELAKA.

s.k YB Setiausaha Kerajaan Negeri